



SIARAN AKHBAR

S.A. 2026/06/04_14 (HQ)

PERDANA MENTERI RASMI ETCON26 TNB, PERKUKUH KOMITMEN MALAYSIA KE ARAH MASA DEPAN TENAGA LESTARI DAN SIAGA AI

Hari kedua Persidangan Peralihan Tenaga 2026 (ETCon26) **Tenaga Nasional Berhad (TNB)**, menjadi detik penting apabila Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim, merasmikan persidangan tersebut sekali gus memperkukuh komitmen Malaysia untuk membangunkan ekosistem tenaga yang lestari, berdaya tahan dan bersedia menghadapi keperluan masa depan.

ETCon26 2026 meneruskan momentum persidangan sulung pada tahun 2023 yang menyaksikan pelancaran Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR) oleh Perdana Menteri.

Pada tahun ini, ETCon26 menekankan kepentingan peralihan tenaga yang bergerak seiring dengan pertumbuhan ekonomi, inovasi teknologi dan kerjasama serantau bagi memastikan daya saing negara terus diperkukuh dalam jangka panjang.

Persidangan ini turut menyerlahkan kemajuan Malaysia dalam meningkatkan kapasiti tenaga boleh baharu. TNB terus memainkan peranan penting dalam menyokong aspirasi NETR, termasuk melalui pembangunan solar berskala besar dan pelaburan berterusan untuk memodenkan grid nasional dengan teknologi digital.

Perdana Menteri Saksi Perjanjian Tenaga Boleh Baharu Antara TNB - DayOne

Antara tumpuan utama hari kedua ETCon26 ialah majlis pertukaran dokumen bagi Kontrak Bekalan Tenaga Dua Hala atau Bilateral Energy Supply Contract (BESC) di bawah Skim Bekalan Tenaga Boleh Baharu Korporat atau Corporate Renewable Energy Supply Scheme (CRESS) antara TNB dan DayOne, sebuah platform infrastruktur digital global yang beribu pejabat di Singapura.

Perjanjian ini mencerminkan usaha berterusan Malaysia untuk memacu inovasi digital dan tenaga lestari, selari matlamat penyahkarbonan jangka panjang di bawah NETR.

Inisiatif yang turut menyokong agenda *AI Nation 2030* Malaysia ini menggabungkan penjanaan solar berskala besar dengan sistem penyimpanan tenaga bateri bagi memastikan bekalan tenaga boleh baharu yang stabil dan berdaya harap bagi operasi digital yang menggunakan tenaga secara intensif.

Dialog Peringkat Tertinggi Menteri

Hari kedua ETCon26 turut menampilkan Dialog Peringkat Tertinggi Menteri bertemakan "*Powering Malaysia's Next Growth Chapter: Energy, Economy & Digital in Sync*", yang menghimpunkan Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air, Datuk Amar Fadillah Yusof; Menteri Ekonomi, Akmal Nasrullah Mohd Nasir; dan Menteri Digital, Gobind Singh Deo.

Perbincangan tersebut meneroka bagaimana pendekatan seluruh kerajaan dapat membuka ruang pertumbuhan ekonomi yang lestari. Ia juga memberi tumpuan kepada usaha memperkukuh daya saing Malaysia sebagai negara yang siaga AI.

Antara perkara yang dibincangkan termasuk penjajaran lebih baik dalam perancangan sistem tenaga, infrastruktur digital, dasar perindustrian dan pembangunan bakat.

Dialog ini turut menegaskan kepentingan kerjasama merentas sektor. Ia mengukuhkan peranan ETCon26 sebagai platform yang menghimpunkan pembuat dasar tenaga, ekonomi dan digital bagi menyokong agenda negara yang lebih selari dan berorientasikan masa depan.

Meneroka Masa Depan Tenaga ASEAN

Perbincangan hari kedua turut memberi tumpuan kepada masa depan tenaga di ASEAN. Ahli panel membincangkan kepentingan perdagangan tenaga rentas sempadan, penyelarasan kawal selia, pembiayaan lestari dan teknologi nuklear.

Perkara ini semakin penting ketika rantau ASEAN bergerak ke arah masa depan yang lebih saling terhubung, digital dan rendah karbon.

Salah satu sesi utama, *“ASEAN Power Grid: From MOUs to Megawatts”*, menilai kesediaan ASEAN untuk melaksanakan perdagangan tenaga pelbagai hala pada skala besar. Sesi ini turut mengenal pasti dasar, infrastruktur dan tindakan kawal selia yang diperlukan untuk merealisasikan sistem kuasa serantau yang benar-benar bersepadu.

Sesi lain yang turut mendapat perhatian ialah *“Fueling AI’s Hunger: Powering ASEAN’s Next Era of Growth”*. Sesi ini membincangkan kesediaan sistem tenaga ASEAN dalam memenuhi peningkatan pesat permintaan elektrik yang dipacu oleh AI, pendigitalan dan pusat data. Pada masa sama, perbincangan ini menekankan kepentingan memastikan pertumbuhan digital kekal selari dengan matlamat peralihan tenaga dan penyahkarbonan.

ETCon26 turut menampilkan perbincangan yang mendalam mengenai peranan masa depan tenaga nuklear melalui sesi *“Next-Generation Nuclear: Pioneering the Future”*. Pakar dan peneraju industri menilai kesediaan teknologi nuklear generasi baharu serta syarat yang diperlukan untuk menjadikannya berdaya maju secara komersial. Teknologi ini juga dilihat berpotensi menjadi sumber tenaga bersih alternatif bagi memenuhi permintaan tenaga yang semakin meningkat di rantau ASEAN.

Perbincangan ini menegaskan keperluan kepada kerjasama serantau yang lebih kukuh, grid yang saling terhubung dan rangka dasar yang lebih selaras. Semua ini penting bagi memastikan ASEAN dapat mencapai jaminan tenaga, daya tahan ekonomi dan pertumbuhan lestari dalam landskap global yang semakin kompleks.

Dalam konteks ini, peranan TNB sebagai penggiat industri utama kekal penting. TNB terus menyokong dan memudah cara inisiatif kesalinghubungan rentas sempadan bagi mempercepat agenda peralihan tenaga di rantau ini.

Memacu Fasa Pertumbuhan Tenaga Seterusnya

Fasa industri tenaga seterusnya akan dibentuk oleh pendigitalan dan perkembangan pesat industri yang dipacu oleh AI. Perkembangan ini akan terus meningkatkan permintaan elektrik.

Segmen permintaan baharu, khususnya pusat data, memerlukan bekalan elektrik yang stabil dan rendah karbon. Pada masa ini, TNB menyokong 36 pusat data yang sedang beroperasi dengan bekalan elektrik berkapasiti kira-kira 4.5GW.

Berlatarbelakangkan perkembangan ini, Malaysia kekal komited meningkatkan kapasiti tenaga boleh baharu kepada 70% menjelang tahun 2050 atau lebih awal. Komitmen ini penting bagi menyokong pertumbuhan ekonomi dipacu AI, di samping mempercepat usaha penyahkarbonan di bawah NETR.

“Ketika permintaan tenaga daripada AI dan industri digital terus meningkat di peringkat global, ETCon26 memperkukuh cita-cita Malaysia untuk tampil sebagai peneraju serantau dalam membangunkan ekosistem tenaga yang lestari, berdaya tahan dan bersedia untuk masa depan.

“Melalui kerjasama pelbagai hala yang lebih kukuh, pemodenan grid dan inovasi tenaga bersih, Malaysia berada pada kedudukan yang baik untuk terus memacu pertumbuhan lestari ASEAN,” kata Pengerusi TNB, Tan Sri Abdul Razak Abdul Majid.

Mengenai ETCon26

Dianjurkan oleh TNB, ETCon26 berperanan sebagai platform serantau yang menghimpunkan pembuat dasar, pemimpin industri, pelabur, ahli akademik dan inovator bagi mempercepatkan kerjasama serta tindakan dalam agenda peralihan tenaga. Persidangan ini menghimpunkan kira-kira 80 pakar industri dari Malaysia dan seluruh dunia, mewakili pelbagai sektor termasuk tenaga, teknologi, kewangan, dasar dan infrastruktur. Bertemakan “Tenaga & Kecerdasan Buatan (AI): Sinergi Memacu Peralihan Tenaga” (*Energy & AI: The Synergy for Energy Transition*), ETCon26 berteraskan tiga kandungan utama iaitu *Energy for AI*, *AI for Energy* dan *Energy Transition for People*.

Mengenai Tenaga Nasional Berhad (TNB)

Tenaga Nasional Berhad (TNB) (www.tnb.com.my) ialah syarikat utiliti terkemuka di Malaysia dan Asia dengan operasi antarabangsa di United Kingdom (UK), Ireland, Australia, Turkiye, Arab Saudi, Kuwait, Pakistan dan Kemboja. Dalam sektor tenaga boleh baharu, TNB memiliki jumlah kapasiti penjanaan sebanyak 3.3GW di Semenanjung Malaysia (termasuk 2.5GW hidro berskala besar) dan 1.3GW merangkumi UK, Ireland, Australia dan Turkiye, yang terdiri terutamanya daripada aset penjanaan tenaga solar, angin dan hidro. Selain menjadi penjana utama elektrik negara, TNB juga mengendalikan penghantaran dan pembahagian bekalan elektrik di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan. Sehingga 31 Mac 2026, TNB membekalkan elektrik kepada lebih 11 juta pelanggan.

Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 4 Jun 2026 jam 12:00 tengah hari

Untuk pertanyaan media, sila hubungi Hanim Idris 019-2617617 / Grace Tan 016-6626229 /

Haikal Jalil 012-2270161 / Faiq Haikal 013-3889606

Atau emel kami di: media@tnb.com.my

PHOTO 1



Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim merasmikan Persidangan Peralihan Tenaga 2026 (ETCon26) anjuran Tenaga Nasional Berhad (TNB) di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur pada 4 Jun 2026. Hari kedua ETCon26 menjadi detik penting apabila Perdana Menteri merasmikan persidangan tersebut sekali gus memperkukuh komitmen Malaysia dalam membangunkan ekosistem tenaga yang lestari, berdaya tahan dan bersedia menghadapi keperluan masa depan.

PHOTO 2



Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim (tengah) diiringi Timbalan Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air, Dato' Sri Abdul Rahman Mohamad (kiri) dan Pengerusi TNB, Tan Sri Abdul Razak Abdul Majid (kanan), ketika merasmikan Persidangan Peralihan Tenaga 2026 (ETCon26) di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur.

Dianjurkan oleh TNB, ETCon26 merupakan platform serantau yang menghimpunkan pembuat dasar, pemimpin industri, pelabur, ahli akademik dan inovator bagi mempercepatkan kerjasama serta tindakan dalam agenda peralihan tenaga. Persidangan ini bertemakan *"Energy & AI: The Synergy for Energy Transition"* dan berteraskan tiga tonggak utama iaitu *Energy for AI*, *AI for Energy* dan *Energy Transition for People*.

PHOTO 3



Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim (tengah) menyaksikan pertukaran dokumen bagi Kontrak Bekalan Tenaga Dua Hala (*Bilateral Energy Supply Contract, BESC*) di bawah Skim Bekalan Tenaga Boleh Baharu Korporat (*Corporate Renewable Energy Supply Scheme, CRESS*) antara TNB dan DayOne. Dokumen tersebut ditukar antara Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Ir. Ts. Shamsul Ahmad dan Ketua Pegawai Eksekutif DayOne, Jamie Khoo.

Turut menyaksikan majlis tersebut ialah Timbalan Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA), Dato' Sri Abdul Rahman Mohamad (dua dari kiri), Pengerusi TNB, Tan Sri Abdul Razak Abdul Majid (dua dari kanan), Pengerusi DayOne, Lim Ah Doo (paling kiri) dan Pengerusi Suruhanjaya Tenaga, Datuk Seri Asri Hamidon (paling kanan).

PHOTO 4



Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim (tengah) mendengar taklimat mengenai integrasi tenaga boleh baharu, sistem penyimpanan tenaga bateri (BESS), solar berskala besar (LSS) dan pemodenan grid semasa melawat pameran ETCon26 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur.

Turut mengiringi beliau ialah dari kanan: Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES), Datuk Seri Arthur Joseph Kurup, Menteri Kewangan II, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan; (lima dari kanan): Timbalan Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA), Dato' Sri Abdul Rahman Mohamad, dan Pengerusi TNB, Tan Sri Abdul Razak Abdul Majid; dari kiri: Ketua Setiausaha PETRA, Dato' Sri Mad Zaidi Mohd Karli, Timbalan Menteri NRES, Tuan Syed Ibrahim Syed Noh, dan Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Ir. Ts. Shamsul Ahmad.